

19 MAR 1996

Langkawi - Underwater

UNDERWATER WORLD LANGKAWI JANJIKAN PENGEMBARAAN YANG HEBAT

LANGKAWI, 19 Mac (Bernama) -- Langkawi kini mempunyai sebuah lagi daya tarikan pelancongan, Underwater World Langkawi, sebuah tempat pelancongan bawah air yang terbesar di Asia Tenggara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan pembukaan Underwater World Langkawi, yang dimajukan oleh Sriwani Holding Berhad dengan perbelanjaan RM11 juta.

Perdana Menteri menghabiskan masa kira-kira sejam meninjau kemudahan yang disediakan dalam kawasan 3,038 meter persegi itu.

Dengan 100 tangki air yang menempatkan lebih 500 spesis laut dan 5,000 jenis ikan termasuk ikan air tawar yang besar seperti "Arapaima", belut air masin "Zebra Moray", jerung dan penyu, pengembaraan ke taman dasar laut ini menjanjikan satu pengalaman yang menarik dan sukar dilupakan.

Dibina dalam "oceanarium" yang mempunyai terowong laluan sepanjang kira-kira 50 meter, pelawat dapat merasai pengalaman unik berjalan melalui dasar laut yang dikelilingi oleh jerung, penyu dan segala jenis ikan yang sebelum ini mungkin tidak pernah dilihat.

Tangki "Hexagon" yang didiami oleh spesis seperti Damsel, Clownfish, Butterflyfish dan Kuda Laut terdapat di kiri dan kanan terowong itu.

Satu lagi tarikan ialah bahagian invertebrat di mana pelawat berpeluang melihat hidupan seni laut dan luar biasa yang kadang kala sukar bagi seorang penyelam berpengalaman sekalipun mengesannya.

Taman ini dibuka setiap hari mulai 10 pagi hingga 7.30 malam. Bayaran masuk ialah RM12 untuk orang dewasa dan RM8 untuk kanak-kanak. -- Bernama.

MZM AHH